

Hukum anak untuk mendidik

H.M M/SID 11/04/07

Ibu bapa perlu mengetahui pertimbangan ketika hendak menghukum anak kerana setiap keadaan menuntut sikap berbeza

>>Oleh Hashim Ahmad
rencana@hmetro.com.my

MENDIDIK kenakalan anak tidak semestinya dengan kekerasan, malah kelembutan lebih mujarab.

Walaupun kadang kala kita perlu menghukumnya kerana kesalahan mereka, namun dalam rangka memberi pendidikan, kita tidak harus bertindak berlebihan kerana boleh mempengaruhi kejiwaan si anak.

Anak, bagaimanapun tidak terlepas daripada pelbagai macam ragam dan tingkah laku. Anak dalam satu keluarga pun sering kali berbeza perangainya.

Di antara mereka ada yang nampak amat patuh dan sangat mudah diatur, sedangkan yang lain sering melakukan pelbagai kenakalan.

Keadaan ini tidak boleh dibiarkan. Ibu bapa harus mengetahui selok-belok mengarahkan anak. Ada masa pe-

rilaku anak dihadapi dengan kelembutan dan penuh toleransi dan sesetengah yang lain perlu diatasi dengan herdik dan wajah yang garang.

Ibu bapa perlu mengetahui pertimbangan yang bakal diambil ketika hendak menghukum anak kerana setiap keadaan menuntut sikap yang berbeza.

Teliti dulu permasalahan yang terjadi. Apakah si anak yang melakukannya mengetahui akan kesan dan bahaya hal itu.

Pada dasarnya, ibu bapa perlu menyertakan kelembutan dalam mengarahkan anak. Contohnya Rasulullah S.A.W dalam mengarah dan membimbing umat baginda. Dalam hal ini Allah berfirman yang bermaksud:

“Maka kerana rahmat Allahlah engkau bersikap lembut terhadap mereka. Seandainya engkau bersikap kaku dan keras hati, tentu mereka akan menjauhkan diri da-

ripada sekeliling mu.” (Surah Ali `Imran: Ayat 159)

Banyak sekali anjuran Rasulullah untuk bersikap lemah lembut. Di antaranya disampaikan oleh isteri baginda, Sayidatina Aisyah r.a, ketika baginda bersabda:

“Wahai Aisyah. Sesungguhnya Allah itu Maha Lembut dan menyukai kelembutan. Allah memberikan pada kelembutan apa yang tidak Dia berikan pada kekerasan dan apa yang tidak Dia berikan pada yang lainnya.” (Hadis Riwayat Muslim)

Sayidatina Aisyah juga pernah mengisahkan Rasulullah pernah memerintahkan kepadanya dengan kata: “Hendaklah engkau bersikap lembut kerana tidaklah kelembutan itu ada pada sesuatu, kecuali pasti memperindahkannya. Dan tidaklah kelembutan itu tercabut daripada sesuatu, kecuali pasti memperjeleknya.” (Hadis Riwayat Muslim)

Dalam riwayat daripada Jarir bin Abdillah, Rasulullah bersabda yang bermaksud: “Barangsiapa yang terhalang daripada kelembutan, dia akan terhalang daripada kebaikan.” (Hadis Riwayat Muslim).

Oleh itu, apabila ibu bapa ingin memperbaiki keadaan anaknya, mereka hendaklah menggunakan kata-kata lembut dan pelbagai bentuk anjuran.

Apabila tidak memungkinkan penggunaan kata-kata yang baik, maka gunakan ucapan yang mengandungi herdik sesuai dengan kesalahan dan perbuatan yang dilakukan.

Jika hal itu tidak dapat dilakukan dan tidak memberi manfaat, maka bolehlah dipukul.

Bagaimanapun, keadaan setiap anak adalah berbeza. Demikian pula tabiat mereka. Ada antara mereka, dengan hanya mendidik dan memarahinya sudah cukup mem-



CEDERA...ibu bapa tidak boleh hukum anak hingga melampaui batas dan dilarang memukul di muka.

berikan pengaruh mendalam serta membuatnya berhenti daripada kesalahan yang dilakukannya.

Ada anak yang dapat mengerti dan memahami maksud ketika ibu bapa memalingkan wajah hingga dia berhenti daripada kesalahannya.

Ada yang hanya diberi ara-

yat Abu Dawud).

Namun, ibu bapa tidak boleh memukul wajah anak mereka seperti dilarang Rasulullah.

Ulama mengatakan larangan memukul wajah kerana ia sesuatu yang lembut dan terkumpul seluruh keendahan.

Anggota tubuh yang ada di

han dengan kata-kata yang baik, ada pula yang tidak dapat diperbaiki kecuali dengan pukulan. Tidak ada cara lain yang memberi manfaat kepadanya kecuali sikap keras.

Saat itulah diperlukan pukulan dan sikap keras se-kadar untuk memperbaiki keadaan si anak dengan tidak melampaui batas.

Ibarat seorang doktor yang memberikan suntikan kepada seorang pesakit. Suntikan itu memang terasa sakit bagi si pesakit, namun ia hanya diberikan sesuai dengan kadar penyakitnya.

Sesungguhnya seseorang itu boleh bersikap keras terhadap anaknya apabila melihat mereka lalai atau mendapati kesalahan pada diri mereka.

Rasulullah memerintahkan ibu bapa untuk memukul anaknya apabila mereka enggan menunaikan solat ketika sudah berusia 10 tahun.

Sabdanya yang bermaksud: "Perintahkanlah anak untuk solat ketika sudah mencapai usia tujuh tahun. Dan bila sudah berusia sepuluh tahun, pukullah dia bila enggan menunaikannya." (Hadis Riwa-

wajah begitu berharga sekali. Pukulan di wajah boleh menghilangkan atau mengurangi fungsi anggota tubuh itu dan kadang kala menjadikan wajah cacat.

Cacat di wajah meninggalkan kesan buruk bukan saja disebabkan nampak jelas, malah tidak mungkin ditutupi.

Hal lain yang perlu diperhatikan ialah pukulan pada si anak adalah semata-mata dalam rangka mendidik - pukulan yang tidak membahayakan.

Tidak diperkenankan seorang ayah memukul anaknya dengan pukulan yang melukai dan tidak boleh pula pukulan yang bertubi-tubi tanpa ada keperluan.

Bila diperlukan, misalnya si anak tidak mahu menunaikan solat kecuali dengan pukulan, maka si ayah boleh memukulnya dengan pukulan yang menjadikan ia serik tetapi tidak sampai melukainya.

Ibu bapa perlu sedar bahawa pukulan itu adalah untuk mengarahkan anak mereka, mengingat tanggungjawab yang dibebankan ke atas mereka.